

18 JAN 2001
Mahathir-Tua

WARGA TUA JEPUN BOLEH TINGGAL DI NEGARA ASIA YANG LAIN, KATA MAHATHIR

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, Jepun, 18 Jan (Bernama) -- Memandangkan kehidupan bagi warga tua di Jepun boleh menjadi sukar dan mahal, rakyat Jepun wajar mengambil kesempatan daripada program Warga Tua di negara Asia yang lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata negara-negara Asia bersedia menjadi tuanrumah kepada warga tua di Jepun, lagipun mereka masih dapat menikmati taraf kehidupan seperti yang dinikmati di Jepun dan mempunyai wang pencen yang secukupnya untuk pulang ke tanah air mereka.

"Saya bukan hendak mempromosi industri pelancongan bagi negara-negara Asia Timur. Akan tetapi saya percaya program itu boleh menyumbang ke arah pemahaman dan hubungan baik antara negara-negara terbabit.

Beliau berkata walaupun warga tua telah bersara, mereka masih boleh menjalin hubungan rapat dengan penduduk dari negara tuan rumah dan hubungan seperti itu akan menghasilkan pemahaman yang lebih baik jika ia dikendalikan dengan betul.

Dr Mahathir, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja empat hari, berkata demikian dalam ucapan dasar beliau pada Simposium Antarabangsa Mainichi yang dianjurkan dengan tujuan menggiatkan semula ekonomi di wilayah Kansai.

Berucap mengenai tema "Menggalakkan Persefahaman Bersama Bagi Negara-negara Asia, Jepun, terutamanya Kansai", Dr Mahathir berkata pada suatu masa dahulu ada sebuah projek untuk menempatkan warga tua Jepun di negara lain.

"Bagaimanapun, mereka tidak mahu memutuskan terus hubungan dengan tempat kelahiran mereka. Mereka tidak kisah kalau tinggal sementara di negara lain, tetapi bukan untuk selama-lamanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan boleh memainkan peranan penting untuk memudahkan penempatan sementara di luar negara dan tidak membiarkan ia dilakukan oleh sektor swasta semata-mata.

Beliau juga berkata pertubuhan-pertubuhan perniagaan Kansai dan kerajaan tempatan harus menjalin perhubungan dengan negara-negara Asia yang lain, termasuk mengadakan lebih banyak interaksi kebudayaan.

"Perlu ada lebih banyak kunjungan oleh pemimpin dan usahawan anda dan anda sendiri perlu menerima lebih banyak kunjungan oleh rakan sejawatan di Asia. Hasilnya adalah persefahaman yang lebih baik," katanya.

Skala ekonomi Kansai bernilai 20 peratus ekonomi domestik dan tiga peratus ekonomi dunia dan ia menempatkan sebahagian daripada perbadanan yang terbesar di dunia, termasuk Sharp dan Matsushita.

-- BERNAMA

AR ZS AKD